

HADIS 41

عن أبي محمد عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما قال: قال رسول الله : ((لا يؤمن أحدكم حتى يكون هواه تبعا لما جئت به)) حديث حسن صحيح رويناه في كتاب الحجة بإسناد صحيح.

Hadis ini hadis sahih yang kami riwayatkannya dari kitab al-Hujjah (Nama penuh Kitab al-Hujjah di sini ialah (الحجة على تاركى سلوك طريق المحجة) karangan al-Syeikh Abu al-Fath Nasr ibn Ibrahim al-Maqdisie al-Syafi'ie al-Faqih al-Zahid. Kitab ini ialah kitab Usuluddin berasaskan kepada kaedah ahli Hadis dan Sunnah.)dengan sanad yang baik.

Daripada Abu Muhammad Abdullah ibn 'Amru ibn al-'Aas r.a. رضي الله عنها beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda:

Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehinggalah hawa nafsunya tunduk menuruti ajaran yang aku bawa.

Pengajaran hadis:

(1) Hadis ini menerangkan salah satu daripada tuntutan Iman, iaitu mestilah hawa nafsunya tunduk dan menurut ajaran yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Sekiranya dia mengutamakan hawa nafsunya daripada mengamalkan ajaran Islam, menyintai maksiat daripada amal kebajikan, maka Imanya tidak sempurna.

(2) Ungkapan 'tidak benar-benar beriman' bererti imannya tidak sempurna dan masih cacat atau tempang, bukan bererti dia jatuh kufur. Dia hanya jatuh kufur apabila dia menafikan atau menolak mana-mana ajaran Islam.

(3) Mujahadah hawa nafsu adalah mujahadah yang berat yang tidak tertanggung kecuali oleh orang yang benar-benar ikhlas beriman dan menyintai Allah dan RasulNya.